

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di ladang sawit dan ladang getah yang kini telah lama berlarutan serta membawa impak kerugian besar kepada industri perladangan negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada majikan-majikan yang terkesan dan tidak berkeupayaan untuk meneruskan penggajian pekerja asing untuk memindah atau menukarkan keseluruhan atau sebahagian pekerja asing mereka kepada syarikat lain yang mempunyai keperluan tenaga kerja melalui Permohonan Pertukaran Majikan (PTM) serta inisiatif-inisiatif lain iaitu:

1. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bermula pada 16 November 2020 hingga 31 Disember 2021 yang merangkumi dua komponen utama program khas

iaitu Program Rekalibrasi Pulang dan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja;

2. Program Rekalibrasi Pulang merupakan program yang membenarkan PATI untuk pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Manakala Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan;

3. KPPK akan melipatgandakan usaha untuk mengisi kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan industri komoditi dengan mengadakan kempen untuk mengajak lebih ramai rakyat tempatan termasuk golongan Orang Asli bekerja di sektor ini. KPPK akan terus bergerak ke arah memberi keutamaan kepada rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan dan industri komoditi selain memperkasa modal insan melalui latihan dan kursus di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC); dan

4. Kementerian turut menggalakkan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta mengalu-alukan penglibatan agensi pekerjaan tempatan untuk tampil dan membantu Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor ini.

Sekian terima kasih.